

Istilah Sains dalam Teks Bacaan Umum

Rusli Abdul Ghani

(rusli@dbp.gov.my)

Zaiton Darois

(zaiton6@dbp.gov.my)

Bahagian Penyelidikan Bahasa

Dewan Bahasa dan Pustaka

(<http://www.dbp.gov.my>)

(Diterbitkan dlm Jurnal Rampak Serantau Bil 8 2001)

Penghargaan

Kami dengan takzimnya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd kerana mengizinkan DBP memanfaatkan sebahagian daripada bahan terbitan mereka sebagai data korpus bahasa Melayu. Sumbangan ini amat besar ertinya dalam pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu.

1.0 Pendahuluan

Perancangan taraf dan perancangan korpus merupakan dua mata daripada serampang perancangan bahasa yang menjadi adiagenda DBP sejak penubuhannya¹ lagi. Perancangan bahasa yang secara umum boleh ditakrifkan sebagai “... *a body of ideas, laws and regulations (language policy), change rules, beliefs, and practices intended to achieve a planned change (or to stop change from happening) in the language use in one or more communities....*” (Rubin dan Jernudd 1971) harus dilaksanakan secara sedar dan sengaja dalam suatu kerangka tindakan yang menyeluruh dan berterusan (Anton M. Moeliono 1985; Asmah Haji Omar 1985; Cooper 1989; Tollefson 1991).

Perancangan bahasa sering kali bermula dengan perancangan taraf. Perancangan taraf pula berkait dengan peruntukan undang-undang atau perumusan dasar yang dapat memastikan sesuatu bahasa itu terus berkembang secara terancang dengan mencongakkan aral yang bakal melintang (Fishman 1974; Haugen 1972; Haugen 1987; Jones 1998; Jones 2000; Vikor 1994). Bagaimanapun, perancangan taraf tidak mempunyai apa-apa erti tanpa pengisian daripada perancangan korpus (Awang Sariyan 1996:8; Schlyter 1998).

¹ Agenda dan amanah ini diperjelas dan diperluas dalam Akta DBP 1959 (semakan 1978, pindaan dan perluasan 1995).

Salah satu aspek utama pembinaan bahasa *vis-à-vis* perancangan bahasa di Malaysia sejak dini-dini lagi ialah penggubalan istilah dalam pelbagai bidang ilmu. Pembinaan bahan istilah ini dilihat sebagai asas kepada penghasilan dan penjanaaan wacana ilmu dalam bahasa Melayu.

Antara kumpulan terawal² yang diberikan tanggungjawab untuk membentuk istilah sains ialah Jawatankuasa Istilah Kajihayat,³ Jawatankuasa Istilah Perhutanan⁴ dan Jawatankuasa Istilah Pertanian dan Tanam2an.⁵ Hasil kerahan minda ketiga-tiga jawatankuasa ini diterbitkan dalam *Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian* (DBP 1968).

Usaha murni ini pula dilanjutkan dan diperluas dengan penggubalan istilah dalam cabang-cabang ilmu teras dan terapan yang utama seperti kimia, matematik,⁶ fizik,⁷ biologi,⁸ geologi, kejuruteraan⁹ dan perubatan di bawah payung Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia dan naungan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim).¹⁰ Berkat kegigihan pelbagai jawatankuasa istilah tersebut maka tersajilah ratusan ribu istilah dalam puluhan buku dan glosari istilah.

Namun, peringkat pembentukan istilah ini sering kali terasakan sebagai berlegar di sekitar graha DBP sahaja dengan penglibatan utama pakar-pakar bidang yang dibantu pegawai istilah. Bagaimana dengan pengguna dan penggunaan istilah? Pengguna istilah (penulis, penterjemah dan sebagainya) itulah protagonis sebenarnya dalam keseluruhan senario peristilahan kerana semua istilah yang tercipta tidak mempunyai apa-apa fungsi selagi tidak teruntai dan terungkap dalam sesebuah karya ilmiah.

Justeru itu, sudah tiba masanya kita meneliti satu lagi butiran dalam perancangan bahasa yang sering kali terabaikan. Butiran ini merangkumi aspek penerimaan dan penggunaan korpus yang dihasilkan dan disebarluaskan oleh pihak yang berwewenang (dalam kes peristilahan di Malaysia, pihak ini ialah DBP). Sesuatu perancangan korpus bahasa itu hanya dapat dikatakan berjaya terlaksana apabila khalayak sasaran menerima dan memakai bahan bahasa yang disajikan. Peri pentingnya elemen ini dalam perancangan bahasa sebenarnya sudah disedari oleh DBP dari mula lagi seperti yang tercatat dalam Penyata Tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP 1959:3);

“ ... pandangan dan sambutan orang-ramai itu merupakan sa-olah2 orang-ramai sudah bersedia mengakui Dewan sa-bagai puncha yang berkelayakan dalam segala hal yang mengenai bahasa dan sastera. Kesimpulan ini berdasarkan beberapa sebab, di-antarnya ... (ii) Perhatian orang bertambah kuat terhadap istilah2 yang di-chadangkan oleh Dewan, terutama dari kalangan2 pereman”

Aspek penerimaan dan penggunaan inilah yang menjadi fokus penelitian kami dalam makalah ini.

² Jawatankuasa istilah pertama yang ditubuhkan pada 15 Januari 1957 ialah JKI Kerajaan (Ismail Dahaman 1992:2).

³ Ditubuhkan pada 5 Julai 1965 (DBP 1968:xiii).

⁴ Ditubuhkan pada 31 September 1958 (Abdullah Hassan 1992:316).

⁵ Ditubuhkan pada 27 Mei 1958 (DBP 1968:xiii).

⁶ Lihat sebagai contoh Shaharir Mohd. Zain (1992)

⁷ Lihat sebagai contoh Muhammad Yahaya (1989).

⁸ Lihat sebagai contoh Rusli Abdul Ghani (1988).

⁹ Lihat sebagai contoh Wan Abu Bakar Wan Abas (1992).

¹⁰ Lahir dengan nama Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) pada 29 Disember 1972 dan menjadi Mabbim pada 4 November 1985 dengan penerimaan Negara Brunei Darussalam sebagai anggota penuh.

2.0 Kerangka Penelitian

Aspek penerimaan dan penggunaan dalam perancangan bahasa boleh dilihat dari beraneka sudut dan pada pelbagai peringkat. Antara kajian yang dapat dilakukan untuk menilai aspek ini ialah kajian penggunaan bahasa (lihat antara lain Wan Hashim Wan Teh 1996), penilaian taraf (sebagai contoh lihat Hassan Ahmad 1996) dan kajian sikap (Halimah Haji Ahmad 1994).

2.1 Batas Penelitian

Dalam penelitian ini kami memilih untuk menumpukan perhatian terhadap penggunaan istilah sains dalam teks bacaan umum terbitan DBP dan terbitan luar DBP.

Pendekatan kami ini didorong oleh jenis data teks yang sedia ada dalam Pangkalan Data Korpus¹¹ Bahasa Melayu DBP. Data ini pula diteliti berbekalkan andaian bahawa editor DBP merupakan kelompok terdekat dan paling langsung dengan kerja-kerja penciptaan istilah. Justeru bahan peristilahan yang terdapat dalam hasil usaha mereka seharusnya tekal dan kemas kini kerana merekalah penerima dan pemakai awal sebarang istilah atau pedoman istilah mutakhir.

Di samping itu, perbandingan bentuk-bentuk istilah yang digunakan dalam terbitan DBP dengan bentuk yang terdapat dalam terbitan luar DBP akan memperlihatkan secara umum keberkesanan penyebaran istilah oleh DBP.

2.2 Data

Pada kesempatan ini kami hanya dapat memanfaatkan data teks yang sedia terakam dalam PDK. Memang ada banyak teks sains (terjemahan dan karya asli) yang termuat dalam pangkalan kami, tetapi sebahagian besarnya merupakan teks pengajian tinggi terbitan DBP sahaja (belum ada teks pengajian tinggi daripada penerbit luar yang terakam). Oleh itu, kami menggunakan teks sains untuk bacaan umum supaya kajian perbandingan yang saksama dapat dilakukan.

Buku-buku yang digunakan dalam penelitian ini termasuklah *Asma* (Rahmat Haroun 1992), *Mata dan Penglihatan* (Shahrin Ismail 1994), *Gangguan Tidur* (Dzulkifli Abdul Razak 1995a), *Sakit Kepala* (Dzulkifli Abdul Razak 1995b), *Kehamilan* (Mohd. Hamim Rajikin 1998), *Wanita dan Masalah Kesihatan* (Jamilah Jamaludin 1998), *Penyakit Untut* (Noor Hayati Mohd. Isa 1999) dan *Haid* (Mohd. Hamim Rajikin 2000).

Secara kebetulan teks di atas merupakan hasil usaha dua penerbit sahaja, iaitu DBP dan Penerbit Fajar Bakti (FB). Hakikat ini membolehkan kami membuat kajian bandingan tentang penggunaan istilah dalam buku DBP dan buku FB.

2.3 Pemprosesan

Data diproses dengan menggunakan sistem MATA¹² (*Malay Text Analysis*) yang merupakan sebahagian daripada sistem korpus DBP. Pemprosesan teks menghasilkan tiga senarai kata, iaitu senarai kata dasar (Root Word), senarai kata yang tidak dikenali (Unknown Word) dan senarai kata yang tidak sah (Invalid Word). Selain itu,

¹¹ Sesudah ini diringkaskan kepada PDK.

¹² Sistem analisis teks yang dibangunkan oleh Unit Terjemahan Melalui Komputer, USM.

maklumat statistik tentang teks turut dipaparkan seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 1 (teks DBP) dan Rajah 2 (teks FB).

```

TEXT : Buku DBP

*****
WORD ANALYSIS - ROOT WORD FREQUENCY
*****

Options :
-----
Number of words      :      All
Frequency            :      All

Total Number of Words      37716  100.00000
  Root Words                35288  93.56241
  Affixed Words              367    0.97306
  New Words                  2047    5.42740
  Numbers                    13     0.03447
  Invalid Words              1     0.00265

#####
Root Word                Count      (%)
#####
yang                    :      1312    3.47863
dan                     :      1054    2.79457
ini                     :        685    1.81621
di                      :        590    1.56432
pada                    :        463    1.22760
wanita                  :        459    1.21699
.....                  :         117    0.31000

```

Rajah 1 Paparan Analisis Teks Bahan Terbitan DBP

```

TEXT : Buku Fajar Bakti

*****
WORD ANALYSIS - ROOT WORD FREQUENCY
*****

Options :
-----
Number of words      :      All
Frequency            :      All

Total Number of Words      84138  100.00000
  Root Words                79740  94.77287
  Affixed Words              707    0.84029
  New Words                  3680    4.37377
  Numbers                    0     0.00000
  Invalid Words              11     0.01307

#####
Root Word                Count      (%)
#####
yang                    :      3462    4.11467
dan                     :      1949    2.31643
ini                     :      1287    1.52963
tidak                   :      1008    1.19803
dengan                  :        987    1.17307
dalam                   :        942    1.11959

```

Rajah 2 Paparan Analisis Teks Bahan Terbitan Fajar Bakti

Senarai kata dasar dijanakan berdasarkan perbandingan dengan entri kamus sistem MATA, yang diasaskan pada kata masukan *Kamus Dewan* Edisi Ketiga (DBP 1994).¹³ Senarai ini terdiri daripada kata dan istilah umum (seperti dalam Rajah 3 dan 4).

TEXT : DBP

```
#####
Root Word                               Count      (%)
#####
```

Root Word	Count	(%)
sperma	152	0.40301
ovum	130	0.34468
kanser	115	0.30491
hormon	111	0.29430
uterus	90	0.23863
kehamilan	87	0.23067
untut	81	0.21476
ovari	80	0.21211
sel	75	0.19885
pembiakan	69	0.18295
filaria	58	0.15378
embrio	52	0.13787
kelenjar	51	0.13522
tisu	51	0.13522
estrogen	49	0.12992

Rajah 3 Senarai Istilah daripada Bahan Terbitan DBP

TEXT : Fajar Bakti

```
#####
Root Word                               Count      (%)
#####
```

Root Word	Count	(%)
asma	538	0.63943
kanta	217	0.25791
barbiturat	73	0.08676
dos	71	0.08439
aspirin	58	0.06893
insomnia	47	0.05586
preskripsi	47	0.05586
kornea	46	0.05467
retina	43	0.05111
katarak	31	0.03684
bronkus	30	0.03566
analgesik	24	0.02852
apnea	21	0.02496
astigmatisme	21	0.02496
glaukoma	20	0.02377

Rajah 4 Senarai Istilah daripada Bahan Terbitan Fajar Bakti

¹³ Oleh itu, secara teoretis semua bentuk kata yang disenaraikan dalam senarai 'Root Word' berupa entri *Kamus Dewan*.

Senarai ‘Unknown Word’ pula terdiri daripada bentuk kata yang tiada dalam kamus sistem, terutamanya istilah teknikal, nombor, nama khas, singkatan, perkataan asing serta kata umum yang bergabung dengan partikel (terutamanya –lah) dan –nya.

Senarai ‘Invalid Word’ terdiri daripada bentuk yang disalah eja dan tidak dikenal pasti oleh sistem sebagai bentuk kata dan langsung diabaikan dalam perbincangan seterusnya. Selain itu, bentuk istilah yang berupa ralat tipografi dan kekhilafan editorial, seperti ‘prostaglaudin,’ ‘orgnisma,’ ‘progestron’ dan ‘antihistmin’ turut dikesampingkan.

Daripada senarai ‘Root Word’ dan senarai ‘Unknown Word’ yang dijanakan oleh MATA, kami mengasingkan istilah-istilah sains yang digunakan dalam teks DBP dan teks FB untuk dianalisis selanjutnya.

3.0 Analisis

Senarai istilah daripada teks DBP dan teks FB diteliti dari dua sudut pendekatan. Pertama, sama ada istilah yang digunakan itu bertaat asas pada pedoman umum pembentukan istilah (DBP 1975; DBP 1991) dan kedua, sama ada istilah yang dipakai itu istilah lama atau istilah mutakhir.

3.1 Pedoman Umum

Dari sudut pedoman istilah, kami mengenal pasti sama ada bentuk-bentuk istilah yang digunakan dalam teks itu selaras atau tidak dengan pedoman umum pembentukan istilah dan juga pedoman khusus¹⁴ bidang masing-masing.

3.1.1 Patuh Pedoman

Dalam senarai istilah yang diteliti, sebahagian besarnya berupa istilah pinjaman daripada bahasa Inggeris. Oleh itu, masalah utama yang dihadapi ialah pentranskripsian istilah asing ke dalam bahasa Melayu. Pengamatan kami menunjukkan bahawa hal ini telah digarap dengan tekal dan tepat oleh DBP dan FB. Perhatikan contoh-contoh yang berikut:

i. Istilah Inggeris yang ditutupi gugus konsonan –sm ditambah dengan vokal a pada hujungnya lalu menjadi ‘–sma’ (DBP 1991:34). Misalnya,

Teks DBP	Teks FB	Bahasa Inggeris
-	blefarospasma	<i>blepharospasm</i>
-	bronkiospasma	<i>bronchiospasm</i>
bronkospasma	-	<i>bronchospasm</i>
mikroorganisma	mikroorganisma	<i>microorganism</i>
organisma	-	<i>organism</i>
-	prisma	<i>prism</i>

¹⁴ Misalnya, pedoman khusus tatanama ubat-ubatan (DBP 1987b:xxxii) dan pedoman tatanama drug dan bahan farmaseutik (DBP 1989: xvii).

ii. Akhiran Inggris *-ism* dan *-ysm* menjadi ‘-isme’ (DBP *ibid.*:31; DBP 1988:xxxii). Sebagai contoh,

Teks DBP	Teks FB	Bahasa Inggris
-	albinisme	<i>albinism</i>
-	astigmatisme	<i>astigmatism</i>
-	bruksisme	<i>bruxism</i>
-	embolisme	<i>embolism</i>
hipertiroidisme	hipertiroidisme	<i>hyperthyroidism</i>
mekanisme	mekanisme	<i>mechanism</i>
metabolisme	metabolisme	<i>metabolism</i>
-	somnambulisme	<i>somnambulism</i>

iii. Istilah dengan akhiran *-icide* menjadi ‘-isid’ (DBP 1987b:lvii). Misalnya,

Teks DBP	Teks FB	Bahasa Inggris
insektisid	-	<i>insecticide</i>
larvisid	-	<i>larvicide</i>
spermisid	-	<i>spermicide</i>

iv. Bentuk-bentuk istilah yang berakhiran *-itis* dengan maksud “radang” kekal ‘-itis’ juga. Bentuk ini merupakan jenis istilah yang paling banyak terdapat dalam teks yang kami teliti. Perhatikan contoh yang berikut;

Teks DBP	Teks FB	Bahasa Inggris
adenolimfagitis	-	<i>adenolymphagitis</i>
apendisitis	-	<i>appendicitis</i>
-	arteritis	<i>arteritis</i>
-	artritis	<i>arthritis</i>
-	bronkiolitis	<i>bronchiolitis</i>
bronkitis	-	<i>bronchitis</i>
-	dermatitis	<i>dermatitis</i>
endometritis	-	<i>endometritis</i>
-	ensefalitis	<i>ensephalitis</i>
epididimitis	-	<i>epididymitis</i>
-	esofagitis	<i>esophagitis</i>
funikulitis	-	<i>funikulitis</i>
-	gastroenteritis	<i>gastroenteritis</i>
-	hepatitis	<i>hepatitis</i>
-	keratitis	<i>keratitis</i>
-	konjunktivitis	<i>conjunctivitis</i>
limfadenitis	-	<i>lymphadenitis</i>
limfagitis	-	<i>lymphagitis</i>
-	meningitis	<i>meningitis</i>

orkitis	-	<i>orchitis</i>
-	rinitis	<i>rhinitis</i>
-	sinusitis	<i>sinusitis</i>
-	spondilitis	<i>spondylitis</i>
-	uveitis	<i>uveitis</i>

Selain contoh di atas terdapat juga bentuk-bentuk istilah yang mematuhi pedoman seperti ‘vasektomi’ (*-ectomy* menjadi *-ektomi*), hemofilia (*-philia* menjadi *-filia*), fotofobia (*photo-* menjadi *foto-* dan *-phobia* menjadi *-fobia*) dan spirometri (*-metry* menjadi *-metri*). Bagaimanapun, kekerapan istilah ini tidaklah begitu tinggi.

3.1.2 Berbeza Pedoman

Ada beberapa istilah yang digunakan dalam teks dengan konsisten tetapi tidak menepati pedoman peristilahan DBP yang sedia ada. Perhatikan contoh di bawah:

i. Istilah bagi anion berakhiran *-ide* menjadi ‘-ida’ (DBP 1987a:xx). Pedoman ini ditaati DBP tetapi tidak FB. Misalnya,

Teks DBP	Teks FB	Bahasa Inggeris
-	bromid	<i>bromide</i>
dioksida	dioksid	<i>dioksida</i>
-	glutarimid	<i>glutarimide</i>
-	hidroklorid	<i>hydrochloride</i>
-	monoksida	<i>monoxide</i>
oksida	-	<i>oxide</i>
-	peptid	<i>peptide</i>
-	polipeptid	<i>polypeptide</i>

ii. Istilah dengan akhiran *-ine* menjadi ‘-ina’ (DBP 1989:xxv). Bagaimanapun, istilah begini yang berupa nama dagang atau nama generik ubat-ubatan dikekalkan ejaan asal masing-masing (DBP 1987b:xxxii). Namun teks FB secara tekal tidak mengikut pedoman ini. Misalnya,

Teks DBP	Teks FB	Bahasa Inggeris
-	asetilkolin	<i>acetylcholine</i>
-	adrenalin	<i>adrenaline</i>
-	amfetamin	<i>amphetamine</i>
-	antihistamin	<i>antihistamine</i>
-	kodein	<i>codeine</i>
-	ergotamin	<i>ergotamine</i>
-	morfin	<i>morphine</i>
-	feniletilamin	<i>phenyletylamine</i>
-	skopolamin	<i>scopolamine</i>
-	tiramin	<i>tyramine</i>

iii. Akhiran *-logist* yang mendukung maksud “ahli atau pakar” dipadankan dengan ‘ahli/pakar + bidang kepakaran.’ Misalnya, *biologist* menjadi ‘ahli biologi’ dan *radiologist* menjadi ‘pakar radiologi.’ Bagaimanapun, teks FB secara tekal mentranskripsikan *-logist* kepada ‘-logis.’ Perhatikan contoh di bawah;

Teks DBP	Teks FB	Bahasa Inggeris
-	antropologis	<i>anthropologist</i>
-	imunologis	<i>immunologist</i>
-	oftalmologis	<i>ophthalmologist</i>

3.2 Istilah Lama Istilah Baru

Dapatan kami menunjukkan bahawa kebanyakan istilah yang digunakan dalam teks kajian merupakan istilah terbaru. Hanya terdapat empat istilah yang boleh kami kelaskan sebagai istilah lama seperti yang ditunjukkan di bawah;

Teks DBP	Teks FB	Bahasa Inggeris
-	gelemair	<i>aqueous humour</i>
-	ultraungu	<i>ultraviolet</i>
-	hampagas	<i>vacuum</i>
-	gelemaca	<i>vitreous humor</i>

Istilah ‘hampagas’ (*vacuum*) yang digunakan dalam teks FB boleh dikategorikan sebagai istilah usang (istilah barunya ialah vakum) kerana pemakaiannya tidak lagi disyorkan.

Selain itu, istilah lama seperti ‘gelemair’ dan ‘gelemaca’ masih digunakan oleh JKI Biologi (DBP 1988) manakala JKI Perubatan memilih ‘humor akueus’ dan ‘humor vitreus’ (DBP 1987b) sebagai padanan bagi *aqueous humour* dan *vitreous humor*. Demikian juga dengan padanan untuk *ultraviolet*. *Istilah Perubatan* (DBP 1987b: 423) menggunakan ‘ultraungu’ manakala *Istilah Kimia* (DBP 1987c:305) memilih ultralembayung. Dalam hal ini, pihak DBP perlu berusaha untuk menyelaraskan istilah yang pelbagai bentuk ini dengan mengambil kira penggunaan istilah-istilah ini di pasaran terbuka.

4.0 Perbincangan dan Kesimpulan

Secara keseluruhan, penggunaan istilah dalam teks DBP dan FB adalah tekal dan bertaat asas pada pedoman umum pembentukan istilah bahasa Melayu.

Namun dalam aspek pedoman khusus, seperti tatanama kimia dan tatanama ubat-ubatan, ternyata ada perbezaan pedoman.

Soalnya sekarang adalah sama ada perbezaan ini disebabkan istilah atau pedoman yang digubal tidak sampai kepada pengetahuan penerbit luar atau sama ada kelainan ini boleh diletakkan di pangkuan gaya penerbit (*house style*).

Sukar untuk diterima jika kita mengandaikan bahawa punca ketidakselarasan yang sedikit ini adalah disebabkan kaedah penyebaran atau sistem war-war yang tidak kesampaian kerana sebahagian besar istilah berpegang teguh pada pedoman.

Oleh itu, suatu kajian susulan perlu dilakukan untuk mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi pengguna. DBP tidak harus segera cuci tangan tatkala terbitnya

buku istilah. Dalam sebarang organisasi yang berorientasikan pelanggan, khidmat pascajual itu penting sekali.

Bibliografi

- Abdullah Hassan 1992. "Perancangan Bahan Peristilahan" dalam Mior Hamzah Mior Hashim *et al.* (ed.) 1992. (Pertama kali terbit pada 1987 dalam 30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia).
- Anton M. Moeliono 1985. *Pengembangan dan Pembinaan Bahasa: Ancangan Alternatif di dalam Perencanaan Bahasa*. Jakarta: Penerbit Djambatan.
- Asmah Haji Omar 1985. *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Malaysia* Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf (ed.) 1996. *Manifesto Budaya: Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan 1996. "Bahasa Melayu di Malaysia: Suatu Tinjauan tentang Perkembangan dan Masalahnya" dalam Asraf (ed.) 1996:1-17.
- Cooper, R.L. 1989. *Language Planning and Social Change*. Cambridge: Cambridge University Press.
- DBP 1959. Penyata Tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka (Khusus-nya untuk 1 August – 31 December 1959). Naskah.
- DBP 1968. *Istilah Kajiayat, Perhutanan dan Pertanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP 1975. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP 1987a. *Daftar Tatanama Kimia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP 1987b. *Istilah Perubatan Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP 1987c. *Istilah Kimia Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP 1988. *Istilah Biologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP 1989. *Istilah Farmasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP 1991. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (Edisi Semakan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP 1994. *Kamus Dewan* Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dzulkifli Abdul Razak 1995a. *Gangguan Tidur*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti
- Dzulkifli Abdul Razak 1995b. *Sakit Kepala*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti
- Fishman, J.A. 1974. *Advances in Language Planning*. The Hague: Mouton.
- Fishman, J.A., Ferguson, C.A. dan Das Gupta, J. (ed.) 1968. *Language Problems of Developing Nations*. New York: Wiley.
- Halimah Haji Ahmad 1994. "Istilah Bahasa Melayu: Satu Analisis Kajian Sikap Bahasa." Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Pertama Jabatan Linguistik UKM-DBP: 15-16 September 1994.
- Hassan Ahmad 1996. "Taraf Bahasa Melayu Selepas 40 Tahun" dalam Asraf (ed.) 1996:40-55.
- Haugen, E. 1972. *The Ecology of Language*. Stanford: Stanford University Press.
- Haugen, E. 1987. *Blessings of Babel: Bilingualism and Language Planning*. Berlin/New York: Mouton de Gruyter.

- Ismail Dahaman 1992. "Pembentukan Istilah Dewan Bahasa dan Pustaka" dalam Mior Hamzah Mior Hashim *et al.* (ed.) 1992. (Pertama kali terbit pada 1974 dalam *Dewan Bahasa*).
- Jamilah Jamaludin 1998. *Wanita dan Masalah Kesihatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jones, M.C. 1998. "Death of a Language, Birth of an Identity: Brittany and the Bretons" dalam *Language Problems & Language Planning* 22/2:129-142.
- Jones, M.C. 2000. "Swimming Against the Tide: Language Planning on Jersey" dalam *Language Problems & Language Planning* 24/2.
- Mior Hamzah Mior Hashim *et al.* (ed.) 1992. *Ke Arah Pembentukan Istilah yang Sempurna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Hamim Rajikin 1998. *Kehamilan: Bermulanya Satu Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Hamim Rajikin 2000. *Haid: Antara Suka dan Duka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Yahaya 1989. "Istilah Fizik di Peringkat Universiti dan Masalahnya" dalam Sulaiman Masri dan Zainal Abidin (ed.) 1989.
- Noor Hayati Mohd. Isa 1999. *Penyakit Untut: Mengenal, Merawat dan Mencegah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmat Haroun 1992. *Asma*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Rubin, J. dan Jernudd, B.H. (ed.) 1971. *Can Language Be Planned*. Honolulu: University Press of Hawaii.
- Rusli Abdul Ghani 1988. "Metamorfosis Istilah Biologi" dalam *Dewan Bahasa* 32/9:656-663.
- Schlyter, B.N. 1998. "New Language Laws in Uzbekistan" dalam *Language Problems & Language Planning* 22/2:143.
- Shaharir Mohd. Zain 1992. "Garis Panduan Pemiawaian Istilah Matematik" dalam Mior Hamzah Mior Hashim *et al.* (ed.) 1992.
- Shahrin Ismail 1994. *Mata dan Penglihatan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti
- Sulaiman Masri dan Zainal Abidin (ed.) 1989. *Kertas Kerja Seminar Penggunaan Istilah Sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tollefson, J. 1991. *Planning Language, Planning Inequality*. New York: Longman.
- Vikor, L.S. 1994. "Norwegian Language Policy and Planning in an International Context" dalam *AntaraT**